

9 MAR 1996
Mahathir-singgah
DR M TINJAU EPZ DI DANANG

Oleh: Rachman Nordin

DANANG, 9 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini singgah selama dua jam di Danang untuk meninjau kawasan Zon Pemprosesan Eksport (EPZ) Massda di An Don dekat sini -- kemudahan sedemikian yang kedua dibangunkan oleh pihak dari Malaysia di Vietnam.

Dalam ucapan balasnya kepada kata-kata aluan oleh Tan Sri Azman Hashim, pengerusi Malaysia South-South Corporation (Masscorp) yang membangunkan EPZ itu, Dr Mahathir mengulangi saranannya agar rakyat Malaysia melabur di Vietnam.

"Saya yakin galakan seperti ini boleh diterima oleh kerajaan Vietnam kerana mereka sentiasa memberi kerjasama kepada bakal-bakal pelabur," kata beliau.

Katanya kemajuan EPZ Danang setakat ini disebabkan oleh usaha pelbagai pihak untuk menarik pelaburan dan pembangunan ke Vietnam.

Dr Mahathir, yang diiringi oleh Datin Seri Dr Siti Hasmah Ali, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Sabbaruddin Chik serta beberapa timbalan menteri dan pemimpin poerniagaan, mengakhiri lawatan kerjanya selama tiga hari ke negara ini hari ini.

Dr Mahathir mencatat satu sejarah di sini dengan menjadi perdana menteri asing pertama melawat Danang, bandar raya pesisir pantai dan ketiga terbesar di Vietnam, dalam masa 20 tahun.

Azman berkata bahawa apa yang dilihat oleh Perdana Menteri hari ini merupakan hasil daripada usaha Dr Mahathir dan Perdana Menteri Vietnam Vo Van Kiet apabila Dr Mahathir pertama kali melawat negara ini empat tahun lepas.

EPZ Danang yang dilancarkan pada Mac 1994 kini menawarkan 68 tapak perindustrian, dan menurut Azman sambutan amat menggalakkan daripada pelabur termasuk dari Hong Kong dan Korea Selatan.

Ketika di EPZ, Dr Mahathir bersama dengan Pengerusi Jawatankuasa Rakyat Quangnam-Danang, Truong Quang Duoc, menyaksikan majlis menandatangani perjanjian sewa tanah dan memorandum persefahaman untuk dua usaha sama Malaysia-Vietnam.

Perjanjian sewa tanah itu membabitkan syarikat membuat perabot kayu Pohmay Craft Sdn Bhd dan Massda EPZ manakala memorandum itu melibatkan Gamuda Berhad, Masscorp dan sebuah syarikat tempatan Hai Van Cement Company.

Pohmay Craft yang melabur US\$890,000 dalam syarikat usaha sama Royal Crafts, akan menyewa 25,000 meter persegi di EPZ itu untuk kilang membuat pelbagai jenis perabot. Ia akan mengambil 200 pekerja tempatan.

Memorandum persefahaman itu pula ialah untuk penubuhan satu kilang simen berharga US\$240 juta (RM600 juta). Gamuda akan menguasai 60 kepentingan, Masscorp 10 peratus dan Hai Van 30 peratus.

Kilang yang dicadangkan itu berkeupayaan mengeluarkan sehingga 1.4 juta tonne simen setahun dan akan ditempatkan di Thanh My, 70 km ke barat sini. Buat permulaan, ia menyediakan peluang pekerjaan kepada 600 rakyat tempatan.

Dr Mahathir kemudian melawat kilang usaha sama pertama di EPZ, yang membuat lilin hiasan, milik Sinaran Manufacturing Bhd dari Sungai Petani.

Beliau juga dibawa meninjau pantai My Khe yang terkenal menerusi siri televisyen "China Beach", sebelum meneruskan lawatannya ke bandar raya Ho Chi Minh, sejam penerbangan dari sini.-- BERNAMA

RN MAI

